

Mahathir

1983

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA)--DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN LANGKAH SEKUMPULAN ORANG UNTUK MEMUJUDKAN REVOLUSI DI NEGARA INI TERMASUK MENGGULINGKAN PEMERINTAHAN BERAJA. +ADA USAHA UNTUK MENIMBULKAN SUASANA YANG BOLEH MEMUJUDKAN REVOLUSI DI MALAYSIA DAN SALAH SATU ASASNYA IALAH BAHAWA PEMERINTAHAN BERAJA ADALAH PADA DASARNYA BURUK,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBUPEJABAT PARTI ITU DI SINI.

KATANYA ORANG-ORANG TERSEBUT MAHUKAN SISTEM PEMERINTAHAN BERAJA DIHAPUSKAN, TIDAK MENGIRA SAMA ADA SISTEM ITU BAIK ATAU SEBALIKNYA.

+SETENGAH-SETENGAH MEREKA TELAH MULA BERCAKAP TENTANG REVOLUSI DAN ADALAH MENJADI KENYATAAN BAHAWA SETENGAH-SETENGAH PENUNTUT MAJLIS DI SEBERANG LAUT MENEKANKAN BAHAWA REVOLUSI PATUT DIUJUDKAN DI NEGARA INI.+

KATANYA ORANG-ORANG BERKENAAN MAHU MENGHAPUSKAN SISTEM-SISTEM YANG ADA KERANA MENURUT DAKWAAN MEREKA SISTEM-SISTEM TERSEBUT TIDAK BERUNSUR ISLAM DAN INI NAMPAKNYA TERMASUKLAH SISTEM PEMERINTAHAN BERAJA. --LAGI 1815/MO

MAHATHIR - REVOLUSI 2 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R'

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS KENYATAANNYA BARU-BARU INI BAHAWA ADA SEKUMPULAN ORANG YANG MENGATAKAN BAHAWA MALAYSIA +BUKANNYA SEBUAH NEGARA ISLAM+ KERANA SISTEM PEMERINTAHAN BERAJANYA.

KATANYA ORANG-ORANG INI BERGERAK DARI SETEMPAT KE SETEMPAT MNUNJUKKAN GAMBAR-GAMBAR SEBUAH NEGARA TERTENTU YANG TELAH MENGGULINGKAN RAJANYA.

TENTANG KENYATAANNYA BARU-BARU INI MENGENAI ORANG-ORANG YANG MENGKHIANATI DASAR EKONOMI BARU, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KENYATANNYA ITU DITUJUKAN KEPADA MEREKA YANG MENGECEM DASAR TERSEBUT YANG KESELURUHANNYA DITERIMA OLEH RAKYAT DI SELURUH NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKIBAT PENGKHIANATAN ITU, KERAJAAN TERPAKSA MENERUSKAN USAHA MENERANGKAN KEPADA RAKYAT TENTANG DASAR EKONOMI BARU DAN SAMA ADA IA SESUAI DENGAN ISLAM.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MENENTANG PERBEZAAN PENDAPAT POLITIK DAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG MENENTANG KERAJAAN TETAPI TIDAKLAH HINGGA SANGGUP DERBOHONG UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN. --LAGI 1823/MO  
NNNN

ZCZC B608

MAHATHIR-REVOLUSI 3 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BIMBANG PERPADUAN RAKYAT AKAN HANCUR DISEBABKAN ISU-ISU YANG BUKAN POLITIK.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENYOKONG PARA FUNDAMENTALIS TETAPI MENENTANG PENYELEWENG PENYELEWENG YANG MENODAI AJARAN ISLAM.

+FUNDAMENTALIS TIDAK MENGECEM ORANG LAIN SEBAGAI BUKAN ISLAM. ORANG-ORANG YANG MENDAKWA DIRI MEREKA FUNDAMENTALIS TETAPI MENENTANG FUNDAMENTALIS ADALAH PENYELEWENG.+ --BERNAMA 1840/MO